

Headline	Teacher's creative teaching method helps students excel		
Date	21 Oct 2010		
Media Title	Berita Harian	Section	Local
Description	10 teachers receive this year's Inspiring Teacher of English Award.		

Kaedah kreatif guru bantu murid cemerlang

Antara 10 guru terima anugerah Guru Inspirasi Bahasa Inggeris

Oleh ADLI YASHIR KUCHIT
adli@sph.com.sg

DI KALANGAN anak didik Cik Kamisah Yusof yang menduduki peperiksaan GCE 'O' tahun lalu, separuh berjaya mendapat markah kepujian bagi subjek Bahasa Inggeris.

Pencapaian Cik Kamisah, 41 tahun, sebagai guru Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Pasir Ris Crest bukan calang-calang memandangkan purata pencapaian bagi markah kepujian di sekolah itu adalah sekitar 34 peratus.

Berkongsi cara beliau membantu para pelajarnya mencapai keputusan yang baik dalam Bahasa Inggeris, Cik Kamisah berkata beliau memperkenalkan formula-formula yang mudah diingat untuk membantu pelajar meraih idea ketika menjawab soalan.

"Contohnya saya gunakan perkataan FATs - *Feelings, Actions, Thoughts and Speech* (Perasaan, Kegiatan, Fikiran dan Percakapan) agar para pelajar mudah ingat kembali apa yang perlu mereka gunakan dalam peperiksaan lisan," kata beliau yang mempunyai pengalaman 13 tahun mengajar.

Formula tersebut merupakan antara sebab para pelajarnya berjaya memperolehi markah yang baik dalam peperiksaan mereka tahun lalu.

Keupayaan guru tersebut untuk mendidik dan memberi inspirasi kepada para pelajarnya dihargai apabila beliau antara 10 guru sekolah setempat yang menerima anugerah Guru Inspirasi Bahasa Inggeris bagi tahun ini.

Anugerah itu anjuran bersama akhbar *The Straits Times* dan Gerakan Bertutur Bahasa Inggeris Yang Baik.

Ia juga menerima sokongan Kementerian Pendidikan (MOE).

Anugerah tersebut diberikan kepada guru-guru bahasa Inggeris, Kertas Am dan Sastera yang menjadi sum-



BERI INSPIRASI: Cik Kamisah memperkenalkan formula-formula yang mudah diingat untuk membantu pelajarnya menguasai bahasa Inggeris. - Foto TUNI SHARIFF

Pertamanya saya menceburi kerjaya pendidikan bukan semata untuk memenangi anugerah. Saya lebih menghargai peluang yang dibuka untuk berkongsi pengalaman mengajar bersama guru-guru lain.

- Cik Kamisah Yusof, 41 tahun, guru Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Pasir Ris Crest.

ber inspirasi kepada para pelajar mereka menerusi program pembelajaran unik dan kesungguhan menyemai cinta pada bahasa.

Hadir sebagai tetamu terhormat di majlis penyampaian yang diadakan di Bangunan Perpustakaan Negara kelmarin ialah Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Perdagangan dan Perusahaan), Encik S. Iswaran.

Ditemui di majlis tersebut, Cik Kamisah berkata beliau tidak menganggap anugerah itu sebagai sesuatu yang amat penting.

"Pertamanya saya menceburi ker-

jaya pendidikan bukan semata untuk memenangi anugerah.

"Saya lebih menghargai peluang yang dibuka untuk berkongsi pengalaman mengajar bersama guru-guru lain," kata ibu tiga anak itu.

Strategi pembelajaran yang beliau lakar kini digunakan guru-guru lain manakala kejayaan yang dicapai sejauh ini tidak menghalang beliau untuk terus mencari cara pembelajaran yang baru.

Beliau dan seorang rakan sekerja kini sedang melakar pakej pembelajaran penulisan kreatif pula.